


# KOD ETIKA PROFESIONAL DAN AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Penerbit  
UTM Press

ISBN 978-983-52-0796-9



9 789835 207969





# KOD ETIKA PROFESIONAL DAN AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



INTELLECTUAL PROPERTY AWARD 2010  
Organization Category  
2008, 2009 & 2010



MERDEKA AWARD 2009  
Outstanding Scholaric Achievement, Health, Science & Technology



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit  
UTM Press

[www.penerbit.utm.my](http://www.penerbit.utm.my)  
2011

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia                      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kod etika professional dan akademik. – Ed. Kemas kini

ISBN 978-983-52-0796-9

1. Professional ethics. 2. Work ethics. 3. Civil service ethics.  
74.937

*Pereka Kulit:* **SITI NORULHANA HJ. MISKAN**

Diatur huruf oleh / Typeset by

**PENERBIT UTM PRESS**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

81300 UTM Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM anggota PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/  
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION dengan no. keahlian 9101)

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by

**PENERBIT UTM PRESS**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

81300 UTM Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM anggota PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/  
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by

**ECONOMY EXPRESS PRINTING & GRAPHICS SDN. BHD.**

6, 8, & 10, Jalan Perdagangan 3  
Taman Universiti Industrial Park  
81300 Skudai, Johor Darul Ta'zim  
MALAYSIA

## KANDUNGAN


|  |         |
|--|---------|
| Kata Aluan   | vii     |
| Objektif   | 1       |
| Skop   | 1 - 2   |
| Prinsip  | 2       |
| Tanggungjawab Staf                                     | 3 - 4   |
| Konflik Kepentingan                                    | 4 - 9   |
| Kewibawaan Peribadi                                    | 10 - 15 |
| Pengisytiharan Staf Naik Pangkat                       | 15 - 16 |
| Akta Perlindungan Pemberi<br>Maklumat (Whistle Blower) | 16      |
| Penyebaran Fitnah                                      | 16 - 17 |
| Pematuhan Undang-undang                                | 17      |
| Tindakan Kerana Perlanggaran                           | 17      |
| Penutup  | 17      |
| Ahli Jawatankuasa                                      | 18 - 19 |

## KATA ALUAN

Buku ini merupakan lanjutan atau kemas kini daripada edisi asal yang diterbitkan pada tahun 2001. Kemas kini ini adalah selaras dengan status Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai sebuah Universiti Penyelidikan (RU) yang sentiasa menekankan nilai moral dan etika dalam kalangan warganya. Sebuah jawatankuasa baru, iaitu Jawatankuasa Etika dalam Aktiviti Akademik telah ditubuhkan pada 12 April 2011 bagi memastikan prinsip moral dan etika diambil kira dalam setiap aktiviti akademik yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penilaian, pembelian peralatan dan sebagainya. Selain itu, jawatankuasa ini akan dijadikan sebagai badan rujukan yang akan membuat verifikasi bagi setiap aktiviti akademik yang dirujuk kepada.

Pada kesempatan ini, Universiti ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Ir. Dr. Mohd. Azraai Kassim yang mempengerusikan Jawatankuasa Etika dalam Aktiviti Akademik serta ahli lain yang terlibat secara langsung dalam menjayakan proses penerbitan semula buku ini, iaitu Prof. Dr. Jasmy Yunus, Prof. Dr. Rosli Md Illias, Prof. Dr. Mohamad Roji Sarmidi, Prof. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Prof. Dr. Baharuddin Aris, Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud, Prof. Dr. Hishamuddin Jamaluddin, Prof. Selamat Hashim, Dr. Nor Ashikin Mohamed Yusof, En. Abdul Karim Abdul Aziz, Pn. Siti Hawa Man, Cik Haffisza Ahmad, Pn. Hapizah Mohamad, Pn. Siti Norulhana Miskan dan En. Masnawi Miskam.

Saya berharap semua warga Universiti sentiasa bersama-sama menjayakan agenda Universiti untuk memacu kegemilangan merealisasikan visi "Menerajui kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia menerusi kreativiti" dan pada masa yang sama memastikan pentadbiran terus diperkasakan.

  
**PROF. DATU IR. DR. ZAINI UJANG**

# KOD ETIKA

Profesional dan Akademik

## 1.0 OBJEKTIF

Kod Etika ini bertujuan untuk:

- 1.1 Menanam sikap kerja positif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi mempertingkatkan kualiti kerja,
- 1.2 Mewujudkan suasana kerja yang ceria, harmoni dan kondusif bagi mempertingkatkan produktiviti, kecemerlangan prestasi staf dan imej Universiti,
- 1.3 Menyemarakkan budaya kerjasama, saksama, muafakat dan berfokus kepada kejayaan kumpulan,
- 1.4 Menghasilkan kerja berkualiti dengan mengamalkan penggunaan sumber yang terancang, cekap dan berkesan,
- 1.5 Menjadikan UTM responsif dan proaktif kepada perubahan yang berlaku sepanjang masa, dan
- 1.6 Menyokong UTM sebagai Universiti Penyelidikan yang inovatif dan kreatif.

## 2.0 SKOP

Kod Etika ini terpakai bagi semua staf Universiti Teknologi Malaysia:

- 2.1 Individu yang dibayar gaji oleh UTM apabila bekerja untuk Universiti- Kategori ini merangkumi staf akademik, staf kumpulan profesional, kumpulan sokongan dan juga pelajar,
- 2.2 Apabila dikehendaki melalui kontrak, konsultan, vendor dan kontraktor untuk menjalankan sebarang urusan perniagaan dengan Universiti,

- 2.3 Individu yang memberikan perkhidmatan kepada Universiti sebagai sukarelawan, dan
- 2.4 Pelajar  
Kod ini juga merujuk kepada semua yang di atas sebagai warga Universiti atau 'komuniti Universiti.'

### 3.0 PRINSIP

Kod Etika ini berasaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

#### 3.1 Benar

Kod Etika ini menekankan semua staf menjalankan tugas mengikut prinsip-prinsip kebenaran.

#### 3.2 Kejujuran dan Amanah (Integriti)

Kod Etika ini menyarankan warga Universiti untuk mengamalkan budaya integriti terbaik/tertinggi.

#### 3.3 Ketelusan

Kod Etika ini memberi penekanan kepada penghayatan amalan terbaik (Best practices) dalam semua aspek kerja.

#### 3.4 Bijaksana (Hikmah)

Dalam melaksanakan Kod Etika ini wujud keseimbangan di antara kehendak perundangan dan pertimbangan kemanusiaan dengan mengambil kira keperluan semua pihak.

#### 3.5 Adil dan Saksama

Kod Etika ini menyarankan supaya sesuatu keputusan dibuat berdasarkan peraturan undang-undang dengan berani tanpa pilih kasih atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

### 4.0 TANGGUNGJAWAB STAF

Staf bertanggungjawab melaksanakan tugas dan aktiviti Universiti mengikut prinsip dan Kod Etika UTM. Prinsip tersebut menyarankan agar setiap staf melaksanakan tanggungjawab secara benar, jujur dan amanah, telus, bijaksana, beradab, adil dan saksama. Aktiviti Universiti merangkumi pengajaran dan pembelajaran, pembangunan pelajar, pentadbiran dan pengurusan, penyelidikan, perundingan, pengkomersilan dan perkhidmatan diberikan keutamaan dan tumpuan yang tertinggi. Staf perlu memberi keutamaan kepada kepentingan Universiti dalam semua urusan. Mana-mana aktiviti seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan, pengkomersilan, perkhidmatan yang dilihat sebagai penyimpangan daripada misi dan visi Universiti adalah dikategorikan tidak beretika.

- 4.1 Staf hendaklah menunjukkan sifat profesional dan berkemahiran serta berdaya saing yang tinggi, penuh dedikasi dan iltizam serta menggunakan kaedah dan ilmu terkini dalam melaksanakan tugas masing-masing,
- 4.2 Menghayati nilai-nilai murni yang mencerminkan peribadi mulia sebagai staf agar menjadi teladan dan inspirasi kepada warga Universiti dalam pembentukan sikap, akhlak, pemikiran serta prinsip hidup,
- 4.3 Menunjukkan daya usaha yang tinggi berasaskan kebijaksanaan, kreativiti dan inovasi bagi memastikan kualiti perkhidmatan terbaik,
- 4.4 Mengoptimumkan sumber manusia, kemudahan, kewangan dan masa dalam melaksanakan tugas,
- 4.5 Berusaha secara berterusan untuk pembangunan diri dan kerjaya,
- 4.6 Menjalankan tugas dan aktiviti pada tahap terbaik supaya status Universiti Penyelidikan dipertingkatkan dari semasa ke semasa, dan

- 4.7 Mewujudkan suasana kerja yang harmoni serta mengutamakan kerja berkumpulan.
- 4.8 Mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Etika Universiti untuk aktiviti penyelidikan atau perundingan yang melibatkan manusia, haiwan dan *Genetically Modified Organism* (GMO) sebelum memulakan kerja penyelidikan, pengumpulan data, penjaanaan maklumat, ataupun penerbitan hasil uji kaji.

## 5.0 KONFLIK KEPENTINGAN (CONFLICT OF INTEREST)

- 5.1 Konflik kepentingan melibatkan konflik antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang penjawat awam di mana penjawat awam tersebut mempunyai kepentingan peribadi yang boleh mempengaruhi secara salah (*improperly influence*) pelaksanaan tugas-tugas dan tanggungjawab beliau. Secara spesifik, konflik kepentingan boleh benar-benar berlaku atau secara tanggapan (*perceived*) atau berpotensi berlaku:
  - 5.1.1 Benar-benar berlaku: melibatkan konflik antara tugas semasa dan tanggungjawab dan kepentingan sedia ada.
  - 5.1.2 Secara tanggapan: konflik wujud di mana ia ditanggap kepentingan peribadi boleh mempengaruhi (secara salah) pelaksanaan tugas.
  - 5.1.3 Berpotensi: boleh berlaku apabila kepentingan peribadi konflik dengan tugas umum.
  - 5.1.4 Konflik kepentingan boleh berkait dengan kewangan (sama ada melibatkan keuntungan atau kerugian) atau tidak melibatkan kewangan

(berdasarkan permusuhan atau persahabatan). Konflik kepentingan boleh berlaku untuk mengelakkan kerugian peribadi dan juga mendapatkan kelebihan peribadi, kewangan atau sebaliknya.

- 5.2 Termasuk dalam kepentingan peribadi ialah kepentingan yang melibatkan anak, suami/isteri, saudara dan sebagainya yang selepas ini diistilahkan sebagai SAUDARA.
- 5.3 SAUDARA didefinisikan sebagai (Akta 694 SPRM 2009):
  - 5.3.1 isteri atau suami orang itu;
  - 5.3.2 adik atau abang atau kakak orang itu;
  - 5.3.3 adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
  - 5.3.4 orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah orang itu;
  - 5.3.5 orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
  - 5.3.6 orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan 5.3.2;
  - 5.3.7 bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
  - 5.3.8 menantu orang itu.



- 5.4 Untuk memastikan kepentingan Universiti terjamin, individu yang mempunyai kepentingan kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik dan persatuan perlu membuat pengisytiharan kepada Universiti apabila terdapat keadaan yang boleh mewujudkan konflik kepentingan.
- 5.5 Peraturan dan polisi yang berkaitan adalah terdapat dalam dokumen berikut:
- 5.5.1 Pengajaran (CTL) - Polisi dan Kod Amalan Pengajaran dan Pembelajaran.
  - 5.5.2 Penyelidikan (RMC) - Polisi R&D.
  - 5.5.3 Perundingan (ICC) - Polisi Perundingan Universiti dan Polisi Harta Intelek.
  - 5.5.4 Tatacara Kewangan (Bendahari) - Pekeliling Pejabat Bendahari UTM.
- 5.6 Contoh-contoh konflik kepentingan di Universiti:
- 5.6.1 Akademik
    - i. Seseorang tidak boleh mengajar/menyelia mereka yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengannya (seperti anak, isteri/suami, saudara dan sebagainya) (Sila lihat definisi SAUDARA dalam Perkara 5.3).
    - ii. Seseorang tidak boleh melantik SAUDARA yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengannya sebagai Pegawai Penyelidik

- (RO) dalam projek penyelidikan yang diketuai atau dianggotai olehnya,
- iii. Seseorang tidak boleh melibatkan diri dalam penyediaan soalan peperiksaan, pengawasan peperiksaan serta apa jua jenis penilaian yang melibatkan SAUDARA, dan
  - iv. Penulisan bersama dan penyeliaan bersama dalam kalangan SAUDARA adalah dibolehkan selagi ia melibatkan kepakaran serta kerja sebenar yang disumbangkan oleh mereka yang terlibat.
- 5.6.2 Pentadbiran
- i. Seseorang tidak boleh melibatkan diri dalam proses pelantikan jawatan, kenaikan pangkat dan penilaian prestasi tahunan SAUDARA, dan
  - ii. Seseorang tidak boleh terlibat dalam proses pembelian peralatan/bahan atau perkhidmatan daripada syarikat di mana SAUDARA mempunyai kepentingan di dalamnya.
- 5.6.3 Perundingan (Consultancy)
- i. Seseorang boleh melantik SAUDARA dalam sebarang projek perundingan yang diketuainya atas dasar kepentingan awam dengan syarat bayaran yuran perundingan adalah berdasarkan kerja/kepakaran sebenar yang disumbangkan,



- ii. Ini adalah berbeza dengan perkara di (5.4.1) dan (5.4.2) di mana hubungan di perkara (5.4.1) dan (5.4.2) merupakan hubungan majikan-pekerja atau pensyarah-mahasiswa manakala di sini hubungannya adalah dalam bentuk ahli dalam pasukan pakar.

## 5.7 Jawatankuasa

- 5.7.1 Jawatankuasa Semakan Pendedahan (JSP) adalah badan utama yang akan memantau pematuhan terhadap konflik kepentingan di UTM. Jawatankuasa ini terdiri daripada:
  - i. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) - Pengerusi
  - ii. Pendaftar
  - iii. Pegawai Undang-undang
  - iv. Pakar dalam bidang berkaitan (bergantung kepada aduan/isu)
  - v. Dua (2) wakil sama ada dari RMC/ICC/SPS/BPA/UTSB/HEMA/Benda hari
  - vi. Seorang pegawai dari Pejabat Pendaftar (Bahagian Sumber Manusia)

- 5.7.2 Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikehendaki untuk melaporkan kepada JSP secara tahunan berkenaan pengurusan konflik kepentingan mengikut kes dan bidang masing-masing. Tanggungjawab Jawatankuasa Semakan Pendedahan (JSP) adalah seperti berikut:

- i. Menentukan prosedur pengurusan konflik kepentingan dalam kes-kes di mana terdapat pertikaian dalam keputusan yang diambil oleh PTJ,
- ii. Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun untuk menyemak sebarang pendedahan seperti yang dilaporkan oleh Ketua PTJ,
- iii. Jawatankuasa juga akan menyediakan laporan pelanggaran Kod Etika dan cadangan tindakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti,
- iv. Memberi nasihat dan cadangan secara berterusan kepada Universiti berkenaan Kod Etika yang patut dimasukkan dalam kursus kepada Pentadbir Akademik serta Ketua-ketua Jabatan, induksi staf baru dan lain-lain kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan.

## 5.8 Prosedur/Pengurusan Isu Konflik Kepentingan

Staf dikehendaki untuk melaporkan sebarang konflik kepentingan atau potensi konflik kepentingan yang berlaku kepada ketua PTJ. Dalam kes-kes yang melibatkan ketua PTJ, laporan boleh dikemukakan terus kepada JSP.

## 6.0 KEWIBAWAAN PERIBADI

Staf hendaklah sentiasa menampilkan kewibawaan peribadi yang tinggi merangkumi komitmen kepada kecemerlangan, akauntabiliti dalam amalan, dan peranan serta sahsiah profesional diri yang boleh dicontohi, secara konsisten dan berkesan.

### 6.1 Penghayatan Nilai-Nilai Luhur

Kesejahteraan dan kemantapan organisasi bergantung kuat kepada penghayatan nilai luhur sejagat oleh staf. Penerapan nilai ini dapat mengukuhkan keharmonian hubungan interpersonal, semangat kesejawatan dan kualiti hasil kerja.

Antara nilai yang wajar dihayati oleh staf ialah:

- i. Keikhlasan niat
- ii. Semangat berpasukan
- iii. Saling hormat menghormati
- iv. Kesianaan membetulkan kesilapan diri
- v. Kegigihan ke arah mencapai kecemerlangan

### 6.2 Adab

Warga Universiti dikehendaki menyampaikan pandangan secara lisan atau bertulis dengan bersopan santun serta beradab.

## 6.3 Akauntabiliti

Dalam melaksanakan tugas, setiap staf dituntut dan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip akauntabiliti kepada negara, Universiti, masyarakat, profesion, pelanggan dan pelajar.

## 6.4 Kepatuhan kepada Peraturan

Untuk menjamin keutuhan kewujudannya sebagai sebuah organisasi yang dinamik, staf bertanggungjawab supaya memahami, mengamal dan menerima pakai:

### 6.4.1 Konsep Rahsia, Sulit dan Terhad

Dalam menjalankan tugas, staf menerima dan menjana pelbagai maklumat Universiti yang berbentuk rahsia, sulit dan terhad. Adalah penting untuk staf berkenaan mematuhi undang-undang negara, peraturan dan polisi yang ada berkenaan dengan kerahsiaan walaupun staf telah meninggalkan perkhidmatan di Universiti.

### 6.4.2 Undang-Undang, Peraturan, Polisi dan Pekeliling

Warga Universiti hendaklah menjalankan tugas mengikut undang-undang, peraturan, polisi dan pekeling yang sedia ada, kemas kini dan yang akan digubal.

i. Tanggungjawab Kontrak

Hanya staf yang diberikan kuasa oleh Universiti dibenarkan untuk menandatangani sebarang surat cara bagi pihak Universiti. Staf berkenaan mestilah sentiasa menjaga kepentingan Universiti dalam pelaksanaan surat cara tersebut.

ii. Keselamatan Persekitaran Kerja dan Kesihatan.

Warga Universiti hendaklah komited untuk menjaga keselamatan persekitaran kerja dan kesihatan dalam menjalankan tugas serta mematuhi dan mengamalkan semua peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan persekitaran kerja dan kesihatan.

iii. Standard dan Peraturan Bidang Profesional

Beberapa bidang profesional di Universiti mempunyai standard dan kod etika masing-masing. Contohnya kejuruteraan, sains dan teknologi. Staf yang juga merupakan pengamal bidang berkenaan hendaklah mematuhi polisi dan peraturan Universiti bersama standard dan kod etika bidang profesional masing-masing.

iv. Peraturan Akademik

Warga Universiti hendaklah mematuhi peraturan akademik Universiti. Sila rujuk [web.utm.my/admissionutm/buku\\_peraturan\\_akademik](http://web.utm.my/admissionutm/buku_peraturan_akademik).

## 6.5 Kejujuran dan Kesaksamaan

Warga Universiti tidak boleh terlibat dalam apa-apa bentuk plagiarisme, penipuan, salah nyata secara sengaja, mencuri, frod saintifik, salah guna dan penindasan sesama manusia tanpa mengira pangkat, latar belakang, ras bangsa dan agama. Warga Universiti juga tidak boleh menyalahgunakan sumber Universiti atau sumber milik pihak lain yang diamanahkan dalam penjagaan Universiti.

## 6.6 Kebebasan Akademik

Staf akademik mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan dan menyebarluaskan ilmu dan kepakaran seterusnya berusaha ke arah kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan, penulisan, perundingan dan perkhidmatan kepada watan. Mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk mengambil bahagian secara aktif dan efektif dalam aktiviti-aktiviti Universiti.

Kebebasan akademik adalah penting dan perlu untuk mencapai kecemerlangan akademik dan percambahan ilmu. Walau bagaimanapun, kebebasan berkaitan dengan aktiviti akademik tersebut hanya boleh digunakan oleh staf akademik sekiranya ia selari dengan tanggungjawab dan matlamatnya sebagai seorang ilmuan. Staf akademik yang terlibat hendaklah membezakan secara jelas antara bidang kepakaran dan pandangan peribadi.

## 6.7 Penerimaan atau Pemberian Hadiah

Apa-apa penerimaan atau pemberian hadiah semasa menjalankan tugas hendaklah dimaklumkan dan mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Jabatan.



## 6.8 Pernyataan Awam

Warga Universiti hanya boleh membuat pernyataan awam berkaitan dengan bidang kepakaran masing-masing. Walau bagaimanapun, warga Universiti dilarang daripada mengeluarkan pernyataan awam berkaitan polisi kerajaan dan Universiti.

## 6.9 Penggunaan Kemudahan Universiti

Warga Universiti hendaklah menggunakan kemudahan awam Universiti seperti telefon, internet, mesin fotokopi, ruang, kenderaan, makmal dan peralatan makmal, kos perjalanan dengan bijaksana, selamat dan jimat. Sumber Universiti perlu digunakan untuk urusan Universiti sahaja dan bukan untuk kepentingan peribadi.

## 6.10 Harta Intelek

Universiti mengiktiraf harta intelek sebagai satu aset yang sangat berharga hasil daripada aktiviti penyelidikan, kreativiti dan inovasi. Semua harta intelek mestilah dilindungi dan dihormati. Kegagalan menghormati harta intelek akan membolehkan tuan punya hak dan Universiti mengambil tindakan. Kod ini menetapkan faedah dan hasil harta intelek dikongsi secara bersama oleh pereka, pengarang, pencipta dan Universiti sebagai pemilik berdaftar. Pereka, pengarang, pencipta boleh terdiri daripada staf akademik, pentadbir, pelajar, penyelidik layak menikmati faedah harta intelek mengikut peratusan sumbangan idea dan kerja masing-masing.

## 6.11 Gangguan Seksual

Warga Universiti tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain sama ada cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, meminta layanan seksual, melakukan perbuatan bersifat seksual yang menyebabkan seorang yang waras merasa tersinggung, terhina atau terugut. Gangguan seksual tersebut boleh bersifat lisan, bertulis, perbuatan atau apa-apa cara lain yang membawa maksud yang sedemikian. Gangguan seksual tersebut juga tidak terhad di tempat kerja atau waktu kerja sahaja.

## 6.12 Buli

Warga Universiti tidak boleh mengasari orang yang lemah dengan tujuan atau maksud untuk menunjukkan kekuatan masing-masing. Buli bermaksud tingkah laku agresif sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologikal yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa dan ia bertujuan mendatangkan perasaan tidak selesa, aman, tenteram dan harmoni. Secara keseluruhannya, perbuatan membuli merupakan perbuatan yang tidak baik serta boleh membuatkan orang lain boleh menjadi mangsa serta boleh mendatangkan ketidakselesaan kepada orang lain.

## 7.0 PENGISYTIHARAN STAF NAIK PANGKAT

7.1 Semua warga Universiti yang memohon kenaikan pangkat adalah diwajibkan untuk membuat pengisytiharan berikut:

- i. Pengisytiharan harta kecuali bagi mereka yang telah membuat pengisytiharan harta dalam tempoh lima (5) tahun.

- ii. Pengisytiharan *conflict of interest* untuk mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa.

- 7.2 Warga Universiti yang terlibat menerima kenaikan pangkat diwajibkan untuk membuat akujanji (ii) dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat kenaikan pangkat.

## **8.0 AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLE BLOWER)**

Warga Universiti boleh melaporkan salah laku yang berlaku di tempat kerja dan berhak mendapat perlindungan daripada dikenakan tindakan balas atau dijadikan mangsa oleh pihak tertentu.

## **9.0 PENYEBARAN FITNAH**

Universiti menggalakkan sebarang laporan tentang pelanggaran Kod Etika. Walau bagaimanapun, Universiti tidak sama sekali menerima sebarang bentuk penyebaran fitnah dan penyebar fitnah akan dikenakan tindakan tegas.

Fitnah didefinisikan sebagai perbuatan yang boleh merendahkan diri seseorang pada mata masyarakat; tindakan yang boleh menyebabkan seseorang dicemuh, dihina, dibenci dan dikeji; perlakuan yang boleh merosakkan reputasi dalam jawatan, profesion dan perniagaan seseorang; dan bertujuan merosakkan kredibiliti seseorang (Akta Fitnah 1957).

## **10.0 PEMATUHAN UNDANG-UNDANG**

Kod Etika Profesional dan Akademik ini adalah terpakai bagi apa-apa pelanggaran atas mana-mana peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 dan lain-lain undang-undang yang terpakai di Malaysia selagi ianya tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang di atas. Sekiranya berlaku percanggahan atau pun pertindihan di antara peruntukan Kod Etika ini dengan undang-undang di atas maka peruntukan undang-undang Malaysia adalah terpakai.

## **11.0 TINDAKAN KERANA PERLANGGARAN**

Perlanggaran Kod Etika Profesional dan Akademik ini tidak menafikan atau menghalang Universiti daripada mengambil tindakan tatatertib terhadap staf di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

## **12.0 PENUTUP**

Kod Etika Profesional dan Akademik hendaklah dihayati dan diamalkan oleh semua staf secara bersungguh-sungguh demi meningkatkan kualiti diri dan profesion serta menjayakan kecemerlangan misi dan visi Universiti.

**AHLI JAWATANKUASA  
ETIKA DALAM AKTIVITI AKADEMIK DI UTM**

Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim - Pengerusi  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Jasmy Yunus - Timbalan Pengerusi  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Bioperubatan & Sains Kesihatan

Prof. Dr. Rosli Md Illias  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Biosains & Perubatan

Prof. Dr. Mohamad Roji Sarmidi  
Dekan Penyelidikan, *RA Biotechnology*

Prof. Dr. Ruzairi Abdul Rahim  
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Prof. Dr. Baharuddin Aris  
Pengarah, Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL)

Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud  
Pengarah, *Centre for Advanced Studies on Islam, Science,  
and Civilisation (CASIS)*

Prof. Dr. Hishamuddin Jamaluddin  
Pengarah, Penerbit UTM Press

Prof. Selamat Hashim  
Pengarah, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST)

Dr. Nor Ashikin Mohamed Yusof  
Timbalan Dekan, UTM Perdana School

**AHLI JAWATANKUASA  
ETIKA DALAM AKTIVITI AKADEMIK DI UTM**

En. Abdul Karim Abdul Aziz  
Pegawai Undang-undang Kanan, Bahagian Hal Ehwal Perundangan

Pn. Siti Hawa Man  
Timbalan Pendaftar, Pejabat Pendaftar (Pengurusan Modal Insan)

Cik Haffisza Ahmad  
Pegawai Undang-undang, Bahagian Hal Ehwal Perundangan

Pn. Hapizah Mohamad  
Pegawai Penerbitan, Pejabat Penerbit UTM Press

Pn. Siti Norulhana Miskan  
Pegawai Senireka, Pejabat Penerbit UTM Press

En. Masnawi Miskam – Setiausaha  
Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik  
& Antarabangsa)